



## MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

### TEKS UCAPAN

YANG BERBAHAGIA DATO' AZHAR BIN HAJI ARSHAD  
**DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

### SEMPENA

MAJLIS PERASMIAN KERJA-KERJA NAIKTARAF LANDSKAP DI  
KAWASAN LAPANG TAMAN SERI AKASIA

### TARIKH / MASA / TEMPAT

**08 MAC 2024 (JUMAAT)**  
**8.30 PAGI**

**KAWASAN LAPANG LORONG AKASIA 15**  
**TAMAN SERI AKASIA**  
**SEBERANG PERAI SELATAN**

*Disediakan oleh Jabatan Korporat*

*Ucapan YBhg. Datuk Bandar MBSP 2024*

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

1. Alhamdulillah, bersyukur kehadiran Allah S.W.T. kerana dengan izinnya dapat kita bersama-sama pada hari ini berkumpul dalam **Majlis Perasmian Kerja-Kerja Naiktaraf Landskap di Kawasan Lapang Taman Seri Akasia**, Seberang Perai Tengah.

2. Terlebih dahulu, izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan H'ng Mooi Lye, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa yang sudi hadir merasmikan **Majlis Perasmian Kerja-Kerja Naiktaraf Landskap di Kawasan Lapang Taman Seri Akasia** pada pagi ini.
  
3. Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis: Yang Berusaha Tuan Setiausaha Bandaraya; Pegawai-Pegawai Kanan MBSP; Ahli Jawatankuasa Majlis Pengurusan Komuniti

Kampung (MPKK), Taman Seri Akasia dan Simpang Tiga, Kubang Ulu; warga Taman Seri Akasia; dan para hadirin sekalian yang hadir untuk menjayakan program ini.

4. Penghargaan juga kepada urusetia penganjuran program pada pagi ini yang telah bertungkus lumus memastikan program ini berjalan dengan lancar.
5. Pelaksanaan kerja-kerja naiktaraf kemudahan rekreasi atau riadah adalah merupakan antara perkhidmatan teras Majlis Bandaraya Seberang Perai

(MBSP) yang melibatkan dua (2) komponen utama iaitu landskap kejur (*hardscape*) dan landskap lembut (*softscape*).

6. Bagi merealisasikan visi MBSP untuk menjadikan ***Seberang Perai Resilient, Inklusif, Hijau, Kompetitif dan Bandar Pintar di Pacu oleh Teknologi***, beberapa program membangunkan kawasan lapang di kawasan-kawasan yang strategik di Seberang Perai telah dikenalpasti.
7. Pembangunan naiktaraf landskap ini merupakan antara langkah penambahbaikan ke atas kemudahan-kemudahan rekreasi atau riadah

sediada di samping dapat memberi nilai tambahan (*added value*) ke atas kawasan-kawasan lapang sediada yang berfungsi sebagai '*Green Lung*' untuk kegunaan masyarakat setempat.

8. Naiktaraf kawasan lapang di Taman Seri Akasia ini adalah merupakan antara komponen keutamaan strategik: keterlibatan komuniti (SP09) di bawah *Seberang Perai Strategic Priority* yang telah digariskan oleh pengurusan tertinggi MBSP. Ianya merupakan sebahagian daripada program pembangunan lot permainan dan padang permainan di kawasan-kawasan lapang yang strategik di Seberang Perai.

9. Kawasan Lapang Taman Seri Akasia ini terletak di Lot 10594, 10597 dan 10598 dengan keluasan 19,576.69 meter persegi. Kawasan lapang ini diserahkan oleh pemaju kepada Setiausaha Kerajaan Negeri yang berperanan sebagai Pegawai Pengawal dan Majlis Bandaraya Seberang Perai yang diberi tanggungjawab sebagai agensi penyelenggara.
  
10. Kemudahan awam yang sediaada di tapak ini adalah alat mainan bersepadu, buaian, jongkang-jongkit dan *outdoor gym*. Berpandukan kepada pemerhatian MBSP, kawasan lapang ini telah dikenalpasti untuk

dinaiktaraf kerana ianya terletak di dalam pola penempatan yang berkepadatan tinggi serta berhampiran dengan kemudahan amenities sediaada seperti sekolah dan kawasan perumahan. Disokong dengan faktor kesinambungan dan kebolehsampaian (*connectivity & accessibility*) yang baik (*within maximum walking distance of 400m - 500m / 5 minute – 10 minute*), pelaksanaan kerja-kerja menaiktaraf di kawasan-kawasan lapang ini dijangka mampu untuk mempromosikan gaya hidup yang lebih sihat untuk semua lapisan masyarakat di Seberang Perai, khususnya penduduk setempat di kawasan perumahan Taman Seri Akasia.



11. Bagi memenuhi keperluan *Gender Responsive Participatory Budgeting* (GRP), MBSP telah menjalankan kajian bersama penduduk setempat di lokasi pada 22 Januari 2020. Cadangan menaiktaraf dan penambahbaikan ini adalah berdasarkan kepada keperluan riadah dan rekreasi yang dinyatakan oleh pelbagai lapisan masyarakat merangkumi jantina dan pelbagai peringkat usia. Kajian soal selidik ini mendapati penduduk-penduduk tempatan bersetuju agar kawasan lapang ini dinaiktaraf berdasarkan cadangan konsep yang telah dikemukakan dalam memenuhi keperluan riadah / rekreasi harian. Peratusan tertinggi adalah cadangan pemasangan komponen alat senaman.

12. Kerja-kerja naiktaraf di kawasan lapang ini melibatkan komponen-komponen yang sedia ada dan ditambahbaik dengan komponen-komponen lain iaitu:

- i. Tempat Letak Kereta (*Interlocking Pavers*)
- ii. *Subsoil Drainage System*
- iii. Laluan Penyelenggaraan
- iv. Laluan Pejalan Kaki

- v. Dataran
- vi. Struktur Bangku
- vii. Alat Permainan Bersepeda dan Alat Permainan Individu
- viii. Alat Senaman
- ix. Papan Tanda Larangan Dan Papan Tanda Pemberitahuan Kepada Pengguna
- x. *Swing Gate*
- xi. *Bollard*

- xii. Tong Sampah
- xiii. Penghadang Motosikal
- xiv. Melukis *Game Line* dan Memasang Tiang Gol
- xv. Penanaman Pokok Teduhan sebanyak 50 batang pokok
- xvi. Penanaman Rumput

13. Kos bagi kerja-kerja naiktaraf bagi kawasan lapang ini adalah sebanyak RM726,478.00 dan tempoh pelaksanaan adalah 20 minggu, bermula 01 September 2023 sehingga 18 Januari 2024.
  
14. Pembangunan ini adalah selaras dengan kempen Kerajaan Negeri iaitu *Penang 2030 A Family-Focused Green and Smart State that Inspires the Nation*. Dengan adanya kemudahan tersebut, ianya dapat menggalakkan interaksi sosial yang sihat antara penduduk sekaligus dapat mengeratkan hubungan dan silaturahim yang akrab antara satu sama lain. Disamping

menjadikan Seberang Perai 'Resilient', Inklusif, Hijau, Kompetitif dan Bandar Pintar di Pacu oleh Teknologi.

15. MBSP pada tahun ini bercadang untuk melaksanakan program penanaman pokok *24 Hours Planting Challenge: Tree Fest* sempena Sambutan Hari Bumi (*Earth Day*) tahun 2024 yang diterajui oleh Yayasan Amal Tuan Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang dengan kerjasama Pejabat EXCO Perumahan dan Alam Sekitar.
16. MBSP ingin menjemput warga Seberang Perai terutamanya para hadirin sekalian agar turut serta menjayakan agenda penghijauan ini dengan aktiviti

penanaman pokok. Pelaksanaan ini merupakan komitmen MBSP di bawah Pelan Strategi Majlis Bandaraya Seberang Perai 2023-2030 dalam konteks pembangunan hijau dan persekitaran bersih iaitu sejajar dengan kempen Kerajaan Negeri iaitu *Penang 2030 A Family-Focused Green and Smart State that Inspires the Nation*.

17. Dalam menjayakan inisiatif yang berorientasikan rakyat (*people centric*), MBSP berhasrat untuk menyumbang pokok-pokok secara percuma kepada seluruh warga Seberang Perai termasuk kakitangan MBSP di pelbagai lokasi pada tarikh yang telah ditetapkan. Pada hari ini, sempena Perasmian

Naiktaraf Landskap di Taman Seri Akasia, MBSP akan menyumbang opok-pokok secara percuma kepada para hadirin sekalian.

18. Saya merakamkan penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan H'ng Mooi Lye, Ahli-Ahli Majlis, pihak urusetia program, semua agensi yang terlibat, dan para penduduk setempat serta para hadirin sekalian yang memberikan komitmen penuh serta bertungkus lumus dalam menjayakan **Majlis Perasmian Kerja-Kerja Naiktaraf Landskap di Kawasan Lapan Taman Seri Akasia di Taman Seri Akasia, Seberang Perai Tengah**



**Sekian, terima kasih.**

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.***